

'MAHB tak pernah dijual kepada pihak asing'

Pegangan saham majoriti dikuasai Khazanah Nasional, KWSP sebanyak 70 peratus: PM

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) tidak pernah dijual kepada pihak asing dan ia terus kekal menjadi milik negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, dakwaan kononnya MAHB dijual menerusi pemilikan syarikat asing adalah sama sekali tidak berbangkit, malah pegangan saham majoriti MAHB dikuasai Khazanah Nasional dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu sebanyak 70 peratus, meningkat berbanding 41 peratus sebelumnya.

Malah, jawatan pengurusan utama, iaitu pengerusi dan ketua pegawai eksekutif (CEO) MAHB juga masih diterajui rakyat Malaysia.

"Dengan perubahan (penstrukturan semula MAHB) ini, pemilikan Khazanah dan KWSP meningkat daripada 41 peratus

kepada 70 peratus. Ini berbeza dengan naratif di luar sana.

"Naratif di luar seolah-olah (berlaku) penjualan (sedangkan) tidak ada penjualan MAHB kepada syarikat asing.

"Selama ini' syarikat asing memiliki sekitar 27 peratus dan inilah yang diambil alih oleh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP). Apakah kita ada penjualan melibatkan lapangan terbang... tidak," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian menjawab soalan Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar) pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

Mohd Shahar meminta Perdana Menteri menjelaskan keputusan konsortium syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GILC) terhadap penjualan saham MAHB itu.

Isu penjualan saham MAHB kepada GIP menjadi isu selepas syarikat itu dilapor dalam proses diambil alih BlackRock, iaitu syarikat Amerika Syarikat (AS) yang mempunyai pertalian rapat dengan Israel, selain melabur dalam syarikat yang membekal senjata kepada regim Zionis.

BlackRock Inc selaku pengurus aset terbesar di dunia, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) AS\$10.5 trilion (RM49.35 trilion) setakat 31 Mac lalu memegang saham dalam hampir semua syarikat tersenarai awam di seluruh dunia.

Hanya aspek pengurusan

Dalam pada itu, Perdana Menteri menjelaskan bahawa penstrukturan MAHB membabitkan GIP ini hanya akan membabitkan aspek pengurusan.

"MAHB syarikat yang menguruskan lapangan terbang, kekal milik kerajaan Malaysia. Ini sama dengan MAHB diberi izin oleh kerajaan Turkiye untuk mengurus Lapangan Terbang Antarabangsa Sabiha Gokcen di Istanbul.

"Kita diberi hak mengurus, tetapi (lapangan terbang di Istanbul) milik kekal kerajaan Turkiye. Berbeza (dengan naratif) kita menjual hak Malaysia kepada Zionis dan Israel. Kritikan saya terima baik, tapi biarlah berdasarkan fakta," katanya.

Anwar berkata, pemilik GIP iaitu BlackRock Inc sejak dulu hingga kini sudah mempunyai kepentingan menerusi pasaran saham Bursa berjumlah RM20.5 bilion, termasuk dalam syarikat besar seperti tenaga, Telekom Malaysia, PETRONAS, selain RM7 bilion dalam bon kerajaan.

Pada masa itu, Anwar berkata, hal pembabitan BlackRock tidak pun dibangkitkan dan dijadikan isu politik untuk menentang pimpinan kerajaan.

Kepada soalan tambahan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang), beliau berkata, penjualan pegangan saham MAHB dibuat selepas melalui syarat ketat, dengan tapisan dilakukan dalam kalangan keseluruhan 145



syarikat yang berminat.

Daripada 145 syarikat itu, lima syarikat akhirnya disenarai layak, termasuk BlackRock, dengan antara isu yang timbul di peringkat rundingan adalah kebanyakan syarikat berkenaan mahu diberikan hak mengurus sepenuhnya.

"Namun, syarikat yang berminat ini, baik Singapura atau lain-lain, mereka nak hak mengurus. Maknanya, CEO dalam kalangan rakyat dia atau mereka yang tentukan.

"Syarat ini tak diterima. Itu sebabnya mengapa GIP diambil," katanya.

Wan Ahmad Fayhsal mempersoalkan pemilihan BlackRock yang dikaitkan sebagai syarikat pro-Israel dan mengapa MAHB tidak memilih rakan yang lain.

Kepada soalan tambahan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) mengenai langkah penswastan MAHB, Anwar menegaskan, isu itu juga tidak berbangkit.

Katanya, tidak timbul soal penswastan MAHB memandangkan ia jelas masih milik kerajaan dengan pegangan saham

meningkat daripada 41 peratus kepada 70 peratus.

"Jangan beri gambaran seolah kita tak urus (MAHB) dengan baik, ia mencatatkan keuntungan walaupun tidak besar," katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut menjelaskan keputusan pelaburan dibuat Khazanah, KWSP serta PNB bukanlah satu urusan kerajaan dan tidak pernah dirujuk kepada Jemaah Menteri.

Katanya, perkara itu bukan baharu kerana amalan sama dalam keputusan pelaburan dibuat GLIC berkenaan, turut dilakukan pentadbiran terdahulu.

"Semua pelaburan PNB, KWSP, Khazanah itu bukan urusan Kabinet. Saya lihat juga minat mesyuarat Kabinet (pentadbiran) sebelumnya, keputusan pelaburan Khazanah, PNB dan KWSP tidak dirujuk Kabinet, termasuk semasa rakan-rakan sebelah sana (pembangkang) menjadi Jemaah Menteri.

"Tetapi dalam kes ini (pegangan saham MAHB oleh GIP), saya ada maklumkan Kabinet selepas keputusan dibuat," katanya.